



VAKSIN UNTUK RAKYAT



Kes Covid-19 turun lagi

Selangor masih melaporkan kes tertinggi dengan rekod melebihi angka 1,600 kes

Oleh MUHAMMAD YUSAINY
MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM

**MEDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?**

Kes baharu positif Covid-19 mencatatkan penurunan dua hari berturut-turut apabila merekodkan sebanyak 5,293 kes baharu pada Ahad berbanding 5,911 kes pada Sabtu dan 6,440 kes pada Jumaat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor kekal melaporkan kes tertinggi iaitu 1,680 kes diikuti Negeri Sembilan (693), Sarawak (661), Johor (627), Kuala Lumpur (379), Perak (205), Melaka (183), Sabah (170), Kelantan (167) dan Pulau

Pinang (114).

Menurutnya, tiga negeri dan wilayah melaporkan kes di bawah 100 iaitu Pahang (77), Terengganu (12), Putrajaya (empat) dan Perlis (dua).

"Jumlah keseluruhan kes adalah sebanyak 696,408," katanya pada Ahad.

Katanya, sebanyak 5,941 kes sembuh dicatatkan menjadikan kumulatif kes sebanyak 628,185 kes.

Jelasnya, sebanyak 880 kes di unit rawatan rapi dan 454 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Sebanyak 60 kes kematian dicatatkan pada Ahad melibatkan 56 warganegara dan

4 bukan warganegara.

"Kes kematian melibatkan 20 di Selangor, Johor (12), Negeri Sembilan (11), Kuala Lumpur (empat), Labuan (empat), Sabah (dua), Sarawak (dua), Perak (dua) dan masing-masing satu kes di Pulau Pinang, Kedah serta Pahang.

"Sebanyak 19 kluster baharu Covid-19 dikenal pasti melibatkan 11 kluster tempat kerja, lima kluster komuniti, dua kluster berisiko tinggi dan satu kluster pusat tahanan.

Jelasnya, sebanyak 2,623 kluster dikesan sejak awal pandemik dan daripada jumlah itu, 1,789 diisytiharkan tamat dan 834 masih aktif.

22 kes varian baharu Covid-19 dikesan



PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan penularan 22 kes varian baharu melibatkan Varian of Concern (VOC) Virus SARS-CoV-2 bermula 11 Jun sehingga 19 Jun ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, surveilan genomik itu merekodkan 14 kes varian Beta (B.1.351) dari Afrika Selatan dan lapan kes varian Delta (B.1.617.2) dari India.

"Kes baharu varian Beta dilaporkan masing-masing tiga kes di Selangor, Sabah dan Terengganu, dua kes di Kedah dan masing-masing satu kes di Perak, Johor dan Kelantan.

"Lapan kes baharu bagi varian Delta masing-masing dua kes di Johor, Labuan dan Negeri Sembilan serta satu kes di Perlis dan Pulau Pinang," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 20 Jun 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
696,408	628,185	880	4,408	+5,293	5,675,002

KES BAHARU DALAM SEMINGGU

20 Jun	5,293 kes
19 Jun	5,911 kes
18 Jun	6,440 kes
17 Jun	5,738 kes
16 Jun	5,150 kes
15 Jun	5,419 kes
14 Jun	4,949 kes

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 691,115 kes kepada 696,408 kes

